

# Sidang Kampuchea: Syarat Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia tidak bersedia menjadi tuan rumah bagi mesyuarat antara tiga kumpulan pergerakan rakyat Kampuchea jika mereka tidak berkemungkinan membentuk Kerajaan Campuran.

Menurut sumber diplomatik di sini hari ini, tidak ada guna bagi Malaysia mengadakan mesyuarat tersebut jika persetujuan tidak dicapai antara Pertubuhan Pembebasan Rakyat Kampuchea (KPRLF), Khmer Rouge dan Putera Norodom Sihanouk Moullnaka.

Malaysia bersedia mengadakan mesyuarat bila-bila masa jika kumpulan itu sanggup berga-

bung. Sebaliknya, Malaysia tidak berganjak dari ketetapan ini jika penyelesaian tidak diperolehi.

Kata sumber itu, penyelesaian mungkin tidak dapat dibuat sebelum persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN bersidang di Singapura pada 19 Jun ini.

Menurut sumber itu lagi, pembentukan Kerajaan Campuran boleh menyebabkan berlakunya beberapa perubahan dalam Kerajaan Demokratik Kampuchea dalam usaha mengekalkan kerusi di Bangsa-bangsa Bersatu.

ASEAN akan bertindak mencari sokongan bagi mengekalkan kerusi walaupun Kerajaan

Campuran tidak dibentuk.

Walau bagaimanapun, keadaan itu bergantung kepada Khmer Rouge dalam kesediaannya berhubung dengan anggota-anggota negara ASEAN.

Kegagalan tiga kumpulan untuk membentuk Kerajaan Campuran bukanlah usaha penamat untuk mendapatkan keamanan negara.

Kerajaan Campuran bermaksud adalah satu usaha melaksanakan satu-satu dasar dari persidangan antarabangsa ke atas resolusi Kampuchea.

Jika tiada pembentukan Kerajaan Campuran, penyelesaian politik ke atas Kampuchea tetap diteruskan, kata wakil-wakil diplomat negara ASEAN.